

KEGIATAN PERUSAHAAN BENGKEL KENDERAAN DIBERHENTIKAN.

Kegiatan perusahaan bengkel kenderaan yang terletak di Kampong Kapok, Mukim Serasa telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan merobohkan kemajuannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 (TCPA) iaitu menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan tersebut dijalankan di atas tanah yang dihadkan hanya untuk tujuan kediaman. Kegiatan bengkel kenderaan ini telah menyebabkan rasa tidak puas hati dan menjejaskan kesejahteraan lot kediaman bersebelahan. Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, pemilik telah mematuhi arahan Pihak Berkuasa dengan menghentikan aktiviti tersebut. Kes ini adalah hasil aduan yang diterima daripada orang ramai.

Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangankhususnya Bab 23 TCPA yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan. Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Bab 23 (6) iaitu denda tidak melebihi \$200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$10 000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai bolehlah menghubungi talian *hotline* Jabatan Perancang Bandar dan Desa di 8200 222.

- TAMAT -